



TEKS UCAPAN
**MAJLIS PENUTUPAN KURSUS
'INTENSIVE SOIL SCIENCE COURSE'
DI BOGOR, INDONESIA**

YG. BHG. DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA

DEPARTMEN ILMU TANAH DAN SUMBERDAYA LAHAN
INSTITUT PERTANIAN, BOGOR, INDONESIA

26 OGOS 2008

11.30 pagi

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berusaha saudara pengacara majlis

Yang Berbahagia Professor Dr. Ir. Didy Sopandie
Dekan Fakultas Pertanian, Institut Pertanian Bogor

Yang Berbahagia Dr. Kukuk Murtilaksono
Pengerusi Department of Soil Science and Land Resource,
Fakulti Pertanian

Yang Berbahagia Dr. Syaiful Anwar
Setiausaha Department of Soil Science and Land Resource,
Fakulti Pertanian

Yang Dihormati Puan Hjh. Wan Esah bt Ton Harun
Pengarah Bahagian Latihan, RISDA Malaysia

Yang dihormati En. Moneyvelli a/l Suppiah
Wakil Pengurus Besar Estet Pekebun Kecil (ESPEK)

Yang Dihormati Para Pegawai dan Pensyarah Institut Pertanian
Bogor

Serta para peserta Kursus 'Intensive Soil Science' yang dikasihi

3

1.0 PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Allah SWT yang dengan izin-Nya dapat kita berkumpul pada hari ini sempena Majlis Penutupan Kursus 'Intensive Soil Science'. Saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Institut Pertanian Bogor kerana sudi mengundang Ketua Pengarah RISDA Malaysia untuk Majlis Penutupan Kursus pada hari ini. Terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan salam takzim daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terpaksa menghadiri Majlis rasmi yang

4

lain di Malaysia. Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah sangat berbesar hati kerana pihak pengurusan Institut Pertanian Bogor sudi bekerjasama dengan RISDA Malaysia untuk mengadakan kursus ini untuk 12 orang dari Malaysia iaitu 7 orang pegawai RISDA termasuk ERAS, 2 orang daripada Anak Syarikat RISDA iaitu ESPEK dan 3 orang pegawai FELCRA . Institut Pertanian Bogor ini terkenal dengan kepakaran ilmu pertanian, khususnya sains tanah. Reputasi Institut ini di iktiraf dalam bidang pertanian dan Malaysia telah pun mengadakan twinning program melalui Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). RISDA amat berbesar hati dan bangga dengan

5

pencapaian Institut ini dan itulah sebabnya kami memilih Institut ini untuk memberi kursus ini kepada pegawai RISDA. Modul yang telah dirangkakan juga amat sesuai dengan keperluan di RISDA. Saya difahamkan peserta kursus ini telah diberi latihan 'hands-on' lebih daripada teori supaya ilmu dapat dimanfaatkan dengan lebih berkesan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Professor Dr. Ir. Didy Sopandie, Dekan Fakulti Pertanian serta semua tenaga pengajar yang telah memberi kerjasama dan komitmen sepenuhnya untuk melaksanakan kursus ini untuk RISDA.

6

2.0 OBJEKTIF KURSUS

Objektif RISDA supaya pegawai RISDA menghadiri kursus Sains Tanah ini adalah:

1. Untuk mencapai tahap yang boleh berdikari bagi menjalankan kerja kajian kesuburan, kimia, biologi dan fizikal tanah.
2. Untuk menghasilkan kepakaran dalam bidang menentukan kesesuaian tanaman mengikut jenis tanah dan faktor persekitaran (cuaca, topografi dan prasarana) serta penggunaan baja (pupuk) bagi tanaman utama.

7

3. Memberi pendedahan dan kemahiran dalam bidang analisis kesuburan dan pemetaan tanah.

3.0 CADANGAN KERJASAMA DI MASA DEPAN

Kerjasama RISDA dan Institut ini tidak akan berakhir disini sahaja tetapi akan terus berpanjangan dalam bidang pendidikan dimasa akan datang. Ada cadangan supaya Kolej RISDA melangkah lebih jauh lagi iaitu dengan mengadakan Program Kerjasama dengan Universiti di Indonesia. Universiti yang di pilih di Indonesia adalah Institut Pertanian Bogor ini. Bentuk kerjasama yang dicadangkan adalah dari segi pertukaran pelajar untuk memberi pendedahan

8

kepada mereka dan pertukaran pensyarah untuk berkongsi maklumat dan teknologi. Selain daripada itu, RISDA juga bercadang untuk bekerjasama dalam program akademik dan penyelidikan pertanian khususnya dalam bidang Pengurusan Ternakan, Agribusiness dan Sains Tanah. Dengan program kerjasama ini, kita berharap Kolej RISDA dapat pendedahan kepada sistem pengajian dan teknologi terkini di dalam bidang pertanian, insyaAllah.

4.0 PESANAN KEPADA PESERTA RISDA

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai RISDA dan FELCRA dari Malaysia kerana terpilih untuk mengikuti kursus Sains Tanah di Institut Pertanian Bogor ini. Anda telah di pilih daripada lebih kurang 5,000 staf RISDA berdasarkan prestasi perkhidmatan, umur dan kriteria-kriteria lain. Pn. Hjh. Wan Esah, Pengarah Latihan kita sampai tak tidur malam selama sebulan untuk memilih Tuan-Tuan ini. Anda telah di pilih untuk menjadi 'Subject Matter Specialist' dalam bidang Sains Tanah. Gunakanlah peluang dan ilmu yang diberi ini sebaik-baiknya dan menjadi tanggungjawab

saudara-saudara untuk sentiasa berusaha memberi perkhidmatan dan komitmen yang terbaik kepada RISDA, rakan-rakan RISDA yang tidak mendapat peluang ini dan masyarakat pekebun kecil yang amat memerlukan kepakaran tuan-tuan. RISDA meletakkan harapan tinggi keatas Tuan-Tuan untuk menjadi pakar dalam bidang sains tanah. Saya sungguh berharap usaha dan perbelanjaan RISDA ini akan membuahkan hasil seperti yang diharapkan.

5.0 PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada pihak pengurusan Institut Pertanian Bogor khususnya Professor Dr. Ir. Didy Sopandie kerana memberi kerjasama yang amat baik kepada RISDA dalam melaksanakan kursus ini. Adalah menjadi harapan RISDA untuk melihat Institut ini terus gah berdiri dalam menjana kecemerlangan dalam bidang pertanian dan terkenal di peringkat dunia.

Akhirkata, saya bagi pihak pengurusan RISDA Malaysia, dengan hormatnya menjemput Tuan-Tuan ke RISDA.

Dengan kata-kata ini dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya merasmikan Majlis Penutupan Kursus 'Intensive Soil Science'.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.